

NOTA AMALAN NO. 2 / 2023

PENJELASAN LAYANAN CUKAI KE ATAS PARTI POLITIK DAN AHLI POLITIK

1. Nota Amalan ini dikeluarkan untuk memberi penjelasan berkenaan layanan cukai ke atas parti politik dan ahli politik.
2. Nota Amalan ini menjelaskan perkara berikut:
 - 2.1 Tafsiran parti politik dan ahli politik
 - 2.2 Layanan cukai ke atas parti politik dan ahli politik
3. Tafsiran parti politik dan ahli politik tidak dinyatakan secara spesifik di dalam Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967. Namun, seksyen 2, Akta Pertubuhan 1966 telah memberikan definisi 'parti politik' seperti berikut:

Seksyen 2 tafsiran "parti politik" ertinya –

- (a) sesuatu pertubuhan yang menurut mana-mana tujuan atau kaedahnya, tidak kira sama ada tujuan atau kaedah itu adalah tujuan atau kaedah utamanya, atau semata-mata merupakan tujuan atau tujuan-tujuan utamanya, mengadakan peruntukan bagi pertubuhan itu menyertai, melalui calon-calonnya, dalam pemilihan ke Dewan Rakyat, atau ke Dewan Undangan Negeri, atau ke pihak berkuasa tempatan atau mengadakan peruntukan baginya mengusahakan perlantikan atau pemilihan ke Dewan Negara seseorang yang dicadangkan atau disokong olehnya, atau
 - (b) sesuatu pertubuhan yang, walau apa pun yang terkandung dalam tujuan-tujuan atau kaedah-kaedahnya, menjalankan apa-apa aktiviti-aktiviti atau mengejar apa-apa matlamat yang melibatkan penyertaannya, melalui calon- calonnya dalam pemilihan ke Dewan Rakyat, atau ke Dewan Undangan Negeri, atau ke pihak berkuasa tempatan, atau yang melibatkan ia mengusahakan perlantikan atau pemilihan ke Dewan Negara seseorang yang dicadangkan atau disokong olehnya;
4. Tafsiran bagi ahli politik secara umumnya adalah seorang individu sama ada lelaki atau perempuan yang bertanding dalam pilihanraya atau yang memegang kuasa termasuklah anggota kongres, canselor, gabenor, datuk bandar, ahli parlimen/wakil rakyat, menteri, presiden, perdana menteri atau senator di peringkat kerajaan tempatan, negeri atau persekutuan melalui penglibatan dalam parti atau aktiviti politik. Ia juga boleh merujuk

kepada mana-mana pegawai yang ingin mengekalkan kedudukan mereka menerusi kempen-kempen pilihan raya.

5. Layanan cukai ke atas parti politik dan ahli politik

BIL	ISU-ISU PERCUKAIAN	LAYANAN CUKAI
5.1	Layanan cukai ke atas parti politik	<p>Parti politik sebagai sebuah pertubuhan akan dicukai di bawah subseksyen 53A, ACP 1967.</p> <p>Namun, di bawah perenggan 2(1) Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No 22) 2002 – [P.U.(A) 208/2002] Menteri mengecualikan suatu persatuan politik daripada pembayaran cukai pendapatan berkenaan dengan semua pendapatan mulai Tahun Taksiran 2001.</p> <p>Walau bagaimanapun, persatuan politik perlu mematuhi apa-apa kehendak untuk mengemukakan apa-apa penyata atau penyata akaun atau memberikan apa-apa maklumat lain dibawah peruntukan ACP 1967.</p>
5.2	Layanan cukai ke atas dana / derma yang diterima oleh parti politik	Dana / derma yang diterima dari dalam Malaysia atau luar Malaysia oleh parti politik adalah dikecualikan cukai berdasarkan perenggan 2(1) Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No 22) 2002 – [P.U.(A) 208/2002].
5.3	Layanan cukai ke atas dana / derma yang diterima oleh ahli politik	Layanan cukai ke atas ahli politik adalah sama seperti individu lain dan akan dikenakan cukai ke atas apa-apa pendapatan yang diterima yang layak dicukai dalam sesuatu tahun taksiran berdasarkan undang-undang percukaian sedia ada.

5.4	Layanan cukai ke atas dana / derma yang diterima dari dalam Malaysia oleh ahli politik	Berdasarkan perenggan 2(1) Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No 22) 2002 – [P.U.(A) 208/2002], pengecualian hanya diberikan kepada parti politik. Oleh itu, dana / derma yang diterima oleh ahli politik adalah tidak termasuk dalam pengecualian ini dan dikenakan cukai di bawah perenggan 4(f) ACP 1967.
5.5	Layanan cukai ke atas dana / derma yang diterima dari luar Malaysia oleh ahli politik	Secara umumnya, skop percukaian pendapatan Malaysia adalah berdasarkan apa-apa pendapatan yang terakru dalam atau diperoleh dari Malaysia termasuk pendapatan yang diterima di Malaysia dari luar Malaysia. Oleh itu dana / derma yang diterima oleh ahli politik termasuk dalam skop pengenaan cukai pendapatan di Malaysia dan dikenakan cukai di bawah perenggan 4(f) ACP 1967
5.6	Layanan cukai ke atas ganjaran yang diterima oleh ahli politik	<p>Ganjaran yang diterima oleh ahli politik dari penggajiannya yang dibayar oleh Kerajaan adalah dikecualikan cukai jika memegang jawatan seperti yang dinyatakan dalam Jadual 6 ACP 1967.</p> <p>Berdasarkan Perenggan 30A Jadual 6 ACP 1967, ganjaran yang terbit daripada Malaysia dan dibayar kepada Presiden atau Timbalan Presiden Senat, Speaker atau Timbalan Speaker Dewan Rakyat, Speaker Dewan Undangan Negeri, ahli Senat, ahli Dewan Rakyat atau ahli Dewan Undangan Negeri adalah dikecualikan cukai.</p>
5.7	Layanan cukai ke atas pencen yang diterima oleh ahli politik	Berdasarkan Perenggan 30A Jadual 6 ACP 1967, pencen yang terbit daripada Malaysia dan dibayar kepada Presiden atau Timbalan Presiden Senat, Speaker atau Timbalan Speaker Dewan Rakyat, Speaker Dewan Undangan Negeri, ahli Senat, ahli Dewan Rakyat atau ahli Dewan Undangan Negeri. adalah dikecualikan cukai jika memenuhi syarat yang ditetapkan iaitu:

		<p>i) telah mencapai umur 55 tahun atau jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa orang sedemikian terhenti daripada menjadi Presiden, Timbalan Presiden, Speaker, Timbalan Speaker atau ahli oleh sebab penyakit; dan</p> <p>ii) jika ahli politik telah dipilih sebagai Ahli Parlimen (AP) dan juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), pengecualian hanya terpakai kepada satu pencen sahaja iaitu yang tertinggi sekali dibayar.</p>
--	--	---

**KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

Tarikh Penerbitan: 27 JUN 2023